

0214

U 8864 AAB
MAHATHIR - PESTA

PORT DICKSON, 22 JULAI (BERNAMA) -- KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI OLEH NEGARA DIBAHAGIKAN SAMA RATA UNTUK SEMUA KAWASAN DAN BUKANNYA UNTUK KAWASAN TERTENTU SAHAJA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BELIAU BERKATA NEGARA TIDAK BOLEH DIPISAH-PISAHKAN ATAU DIBAHAGI-BAHAGIKAN ANTARA SATU KAWASAN DENGAN KAWASAN YANG LAIN KERANA SEMUA KAWASAN AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADA SEGALA KEGIATAN EKONOMI DI NEGARA INI.

+DENGAN ADANYA PESTA DI SANA-SINI DAN PERKEMBANGAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN, SEMUA RAKYAT AKAN MENDAPAT NIKMAT DARIPADANYA,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PESTA PORT DICKSON 88 DI KAWASAN TAMBAK LAUT DI SINI.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAHAWA PESTA PORT DICKSON TIDAK SEMESTINYA MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA PENDUDUK KAWASAN BERKENAAN SAHAJA MALAH KEPADA SELURUH RAKYAT DAN BEGITU JUGA SEBALIKNYA APABILA DIADAKAN PESTA DI TEMPAT LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PUSAT SENTIASA MEMBERI SOKONGAN DAN GALAKAN TERHADAP USAHA UNTUK MENGADAKAN PESTA SEUMPAMA ITU KERANA +DI SAMPING BERGEMBIRA, IA DIHARAPKAN DAPAT MENINGKATKAN EKONOMI NEGARA+. -- LAGI
2052MST 22 07 88

0216

U 8865 AAB
MAHATHIR - PESTA 2 PORT DICKSON

KATANYA, USAHA UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN BUKANNYA SEMATA-MATA UNTUK MENGUNTINGKAN PEMILIK-PEMILIK HOTEL SAHAJA TETAPI JUGA KEPADA PENIAGA-PENIAGA KECIL SEPERTI PENJUAL MAKANAN DAN KRAFTANGAN DI SAMPING MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK BERNIAT UNTUK MEMPERKAYAKAN SESUATU GOLONGAN SAHAJA DAN KERAJAAN HANYA MERELAKAN SESUATU GOLONGAN MENJADI KAYA JIKA +ORANG LAIN DAPAT TURUT MENUMPANG DARIPADA KEUNTUNGAN ITU+.

+OLEH KERANA HOTEL-HOTEL TERPAKSA MENYEDIKAN MAKANAN KEPADA PENGUNJUNGNYA SETIAP HARI, MEREKA YANG MENJUAL BAHAN MAKANAN, TERMASUK YANG MENJUAL SAYURAN JUGA DAPAT MENUMPANG NIKMAT DARIPADA KEJAYAAN INDUSTRI PERHOTELAN,+ TAMBAH BELIAU.

MENURUTNYA, KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN LEBIH \$1,000 JUTA BAGI PROJEK-PROJEK BERASASKAN PERTANIAN, PELANCONGAN DAN INDUSTRI PEMBUATAN.

KERAJAAN SEDAR BAHAWA INDUSTRI PELANCONGAN MEMPUNYAI POTENSI YANG AMAT BESAR KERANA PELANCONG JARANG BERHUTANG DAN MEREKA MEMBAYAR SECARA TUNAI, KATANYA. -- LAGI
2056MST 22 07 88

0221

U. 8869 AAB
MAHATHIR - PESTA 3 PORT DICKSON

PERDANA MENTERI BERKATA KEJAYAAN INDUSTRI PELANCONGAN AKAN MEMBAWA KEKAYAAN KEPADA KERAJAAN YANG SEKALIGUS MEMBOLEHKAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SEPERTI MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT.

BELIAU MENAMBAH KATA, SEKIRANYA KERAJAAN MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN, PELBAGAI USAHA BOLEH DILAKUKAN DAN KEMUNGKINAN KENAIKAN GAJI ADALAH LEBIH BAIK.

+JIKA PENDAPATAN NEGARA TIDAK MENINGKAT, PROJEK PEMBANGUNAN TERPAKSA DITANGGUHKAN DAN SOAL KENAIKAN GAJI JUGA MINGKIN TERPAKSA DITANGGUHKAN,+ TAMBAH BELIAU.

KEADAAN EKONOMI NEGARA SEMAKIN MENAMPAKKAN PEMULIHAN EKORAN KENAIKAN HARGA BARANGAN UTAMA DAN PEMBUKAAN SEMULA LOMBONG-LOMBONG BIJIH TIMAH, KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA PENJUALAN KERETA NASIONAL PROTON SAGA ADALAH LEBIH BAIK PADA TAHUN INI.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA KESTABILAN DAN KEMANANAN POLITIK DALAM NEGARA ADALAH PERKARA PENTING BAGI MEWUJUDKAN KEYAKINAN PARA PELABUR. -- LAGI

2107MST 22 07 88

0224

U 8870 AAB
MAHATHIR - PESTA 4 PORT DICKSON

+MALANGNYA, ADA KUMPULAN TERTENTU YANG BERUSAHA MENGHALANG KERAJAAN UNTUK MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA SEPERTI MEMBAWA KES-KES TERTENTU KE MAHKAMAH,+ KATANYA.

BELIAU YAKIN EKONOMI NEGARA DAPAT DIPULIHKAN DENGAN CEPAT SEKIRANYA KERAJAAN ADALAH KUKUH DAN PERBUATAN SEPERTI ITU DAPAT DIHENTIKAN KERANA +KITA MEMPUNYAI PASARANA YANG CUKUP YANG JAUH LEBIH BAIK DARIPADA NEGARA-NEGARA SAINGAN+.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG TIBA DENGAN HELIKOPTER NURI, DIARAK SAMBIL MENAIKI KERETA BERTIAS YANG MENYERUPAI SEBUAH BOT SEJAUH 1.6 KM DARI PADANG MERDEKA KE TAPAK PESTA.

PESTA YANG DIADAKAN BUAT KALI KEDUA ITU AKAN BERLANGSUNG SELAMA 18 HARI BERMULA SEMALAM. -- BERNAMA

2112MST 22 07 88